

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

LATAR BELAKANG DAN KEPERIBADIAN IMAM AN-NAWAWI & SUMBANGANNYA DALAM BIDANG FIQH

Disediakan oleh:

Al-Faqir ilallahil Qadir,

Ustaz Muhadir bin Haji Joll

غفر الله له ولشايخه ولوالديه

**Penasihat Syariah, Galeri Ilmu Media Group
& Pendakwah bebas**

(A)

**Latar Belakang &
Keperibadian Imam
An-Nawawi**

محيي الدين، أبوزكريا، شيخ الشافعية،
قطب الأولياء، شيخ الإسلام والمسلمين،
وعمة الفقهاء والمحدثين، وشفوة الأولياء
والصالحين، محرر المذهب الشافعي ومهدبه،
ومنقحه ومرتبته.

“Penghidup agama, Abu Zakariya, ketua para ulama’ mazhab Syafi’i, Quthb kepada seluruh para wali, Syaikh kepada Islam dan muslimin, ‘umdah para fuqaha’ dan muhadditsin, orang yang terpilih di kalangan para wali dan orang soleh, muharrir mazhab Syafi’i dan penyusunnya”

يحيى بن شرف بن مُرِّي بن حسن
بن حسين بن محمد بن جمعة بن
حِزَام النَووي الشافعي

Yahya bin Syaraf bin Murri bin Hasan bin
Husain bin Muhammad bin Jum'ah bin
Hizam an-Nawawi asy-Syafi'i

Kunyah (panggilan):

أبو زكريا (“Bapa Zakaria”)

Laqab (gelaran):

محي الدين

(“Orang yang menghidupkan agama”)

“*Imam An-Nawawi*” / نوى = Nawa, sebuah kampung dalam daerah Hauran, 85 km daripada Damsyiq, Syria

Imam Ibnu al-Wardi:

لَقِيْتِ خَيْرًا يَا نَوَى وَكُفَيْتِ مِنْ شَرِّ النَّوَى
فَلَقَدْ نَشَأَ بِكَ عَالَمٌ فِي الْعِلْمِ أَخْلَصَ مَا نَوَى
وَعَلَى عِدَاهُ فَضْلُهُ فَضْلُ الْحَبِوبِ عَلَى النَّوَى

“Alangkah beruntungnya kamu wahai kota Nawa
Semoga kamu terhindar dari pedihnya perpisahan
Sesungguhnya pada kamu telah dilahirkan dan membesar seorang yang alim
Yang sangat ikhlas dalam ilmunya
Kelebihannya jika dibandingkan dengan yang lain
Bagaikan lebihnya biji-bijian segar dibandingkan dengan kurma kering”

SYRIA



TURKEY

Hassake

Qala'at Samaan

Aleppo

Idlib

Raqqa

Rasafeh

Deir ez-Zur

Lattakia

Hama

Tartus

Krak des Chevaliers

Homs

Palmyra

River

LEBANON

Damascus

At-Tanf

IRAQ

Damascus International Airport

Suweida

Bosra

ISRAEL & the PALESTINIAN TERRITORIES

Mediterranean Sea

Lake al-Assad

0 100 km
0 60 miles

Kelahiran & awal kehidupan

**Lahir pada awal atau pertengahan bulan
Muharram 631H (1233M) di Nawa**

**Ayahnya, Syaraf, seorang peniaga di Nawa
Meninggal pada tahun 685H, 9 sembilan
tahun selepas kewafatan Imam An-
Nawawi, ketika berumur 70 tahun.**

Syaikh Ala'uddin bin Al-'Aththar:

الشيخ الزاهد الورع ولي الله

Seorang syaikh yang zuhud dan wara'. Seorang wali Allah.

Imam Az-Zahabi:

وكان شيخاً مباركاً.

Beliau seorang syaikh yang mempunyai keberkatan.

Imam Az-Zahabi berkata:

ولما بلغ النووي من العمر سبع سنين، كان نائمًا ليلة السابع والعشرين من رمضان بجانب والده، فانتبه نحو نصف الليل، يقول والده: وأيقظني، وقال: يا أبتى، ما هذا الضوء الذي قد ملأ الدار؟، فاستيقظ أهله جميعًا فلم نرَكلنا شيئًا، قال والده: فعرفت أنها ليلة القدر.

“Ketika umur Imam Nawawi sampai 7 tahun, dia tidur pada malam 27 Ramadhan di sebelah ayahnya. Dia terjaga pada tengah malam. Ayahnya bercerita: Dia (Imam Nawawi) mengejutkan aku dan berkata: Wahai ayah yang ku sayangi, cahaya apakah ini yang memenuhi rumah? (Cerita ayahnya:) Semua ahli keluarganya bangun. Kami tidak melihat apa-apapun.” Ayahnya berkata: Tahulah aku bahawa ia adalah malam Lailatul Qadar.”

Kisah: Syaikh Yasin bin Yusuf al-Marakisyi datang ke kampung Nawa. Dia melihat Imam Nawawi yang ketika itu berumur 10 tahun dipaksa oleh kawan-kawannya bermain bersama mereka. Dia lari dan menangis kerana paksaan tersebut, lalu membaca Al-Qur'an. Melihat keadaan itu, Syaikh Yasin bercerita:

فوقع في قلبي محبته، فأتيت الذي يُقرئه القرآن فوصيته به، وقلت له: هذا الصبي يُرجى أن يكون أعلم أهل زمانه وأزهدهم، وينتفع الناس به، فقال لي: أمنجم أنت؟ فقلت: لا، وإنما أنطقني الله بذلك.

“Lalu hatiku jatuh cinta kepadanya. Aku lalu pergi kepada guru yang mengajarnya Al-Qur'an dan mewasiatkannya tentangnya. Aku mengatakan: Budak ini diharapkan akan menjadi orang paling alim pada zamannya dan paling zuhud di kalangan mereka serta orang ramai akan mendapat manfaat daripadanya. Guru yang mengajarnya bertanya kepada ku: Apakah kamu seorang tukang tilik? Lalu aku menjawab: Tidak, tetapi Allah telah memberikan ilham kepadaku untuk menyebutkan perkara tersebut.”

Umur 18 tahun (649H)

Dibawa ayah ke Damsyiq yang ketika itu menjadi adalah pusat ilmu.

Berjumpa dengan khatib dan imam Masjid Al-Jami' al-Umawi, **Syaikh Jamaluddin Abdul Kafi** (689H) yang membawanya berjumpa Mufti Syam, **Syaikh Tajuddin Abdul Rahman bin Ibrahim bin Dhiya' al-Fazzari**, yang dikenali dengan **Ibn al-Farkah** (ابن الفرکاح) (690H).
Beliaulah guru Imam Nawawi pertama di Damsyiq.

Imam Nawawi berhasrat untuk mencari tempat tinggal. Imam Ibn al-Farkah membawanya berjumpa **Syaikh Ishaq bin Ahmad al-Maghribi**. Beliau belajar daripadanya. Syaikh Ishaq memberikan sebuah rumah kecil di Madrasah Ar-Rawahiyyah. Di situlah dia tinggal, belajar, mengajar dan menulis sehingga sebelum kewafatannya.

Beliau tinggal di Damsyiq selama 28 tahun.

Tidak tinggalkan Damsyiq melainkan untuk mengerjakan haji, menziarahi kubur Imam Syafi'i atau pergi ke kampungnya Nawa untuk berjumpa keluarganya.

Setelah 2 tahun di Damsyiq, ikut ayahnya mengerjakan haji yaitu pada tahun 651H.

Kesungguhnya dalam menuntut ilmu

Imam Nawawi berkata:

• **وبقيت سنتين لم أضع جنبي على الأرض.**

“Sejak 2 tahun aku tidak meletakkan rusukku ke bumi.”

Imam Az-Zahabi berkata:

وَضُرِبَ بِهِ الْمَثَلُ فِي إِكْبَابِهِ عَلَى طَلَبِ الْعِلْمِ لَيْلًا
وَنَهَارًا، وَهَجَرَ النَّوْمَ إِلَّا عَنِ غَلْبَةٍ، وَضَبَطَ أَوْقَاتَهُ
بِلِزُومِ الدَّرْسِ أَوِ الْكِتَابَةِ أَوِ الْمَطَالَعَةِ أَوِ التَّرَدُّدِ عَلَى
الشُّيُوخِ.

“Beliau telah menunjukkan contoh kesungguhan dalam menuntut ilmu, malam dan siang. Dia menjauhkan diri daripada tidur melainkan terlalu perlu. Dia mengatur waktunya untuk sentiasa mengikuti pelajaran atau menulis atau mutala’ah atau selalu pergi kepada para Masyaikh.”

Syaikh Quthb ad-Din al-Yunini berkata:

أنه كان لا يضيع له وقت في ليل ولا نهار إلا في وظيفة من الاشتغال بالعلم، حتى إنه في ذهابه في الطريق وإيابه يشتغل في تكرار محفظة أو مطالعة، وإنه بقي على التحصيل على هذا الوجه ست سنين.

“Sesungguhnya dia tidak menyia-nyiakan waktunya pada malam atau siang melainkan sesuatu yang menyibukannya dengan ilmu sehingga dalam keadaan pergi dan balik di jalan, dia sibuk mengulang-ulang hafazan atau memutala’ah kitab. Dia berkekalan melakukan seperti keadaan tersebut selama 6 tahun.”

**Syaikh Badruddin bin Jama'ah (733H)
menceritakan bahawa dia sendiri pernah
bertanya kepada Imam Nawawi tentang
tidurnya, dia menjawab:**

**إذا غلبني النوم استندت إلى الكتب لحظة
وأنتبه.**

**“Jika aku tidak terdaya untuk menahan rasa
mengantuk, aku bersandar kepada kitab-kitab
sekejap, kemudian aku tersedar.”**

Pada tahun 650H, beliau telah menghafaz kitab *At-Tanbih* karangan Imam Abu Ishaq asy-Syirazi dalam 4 bulan setengah, menghafaz seperempat tajuk-tajuk ibadah daripada *kitab Al-Muhazzab* dalam 6 bulan setengah

Pada setiap hari, beliau belajar 12 pelajaran secara syarah atau *tashhih* dengan para masyaikhnya iaitu 2 pelajaran dalam kitab ***Al-Wasith***, 3 pelajaran dalam ***Al-Muhazzab***, 1 pelajaran gabungan daripada 2 kitab ***Shahih*** (Bukhari dan Muslim), 5 pelajaran dalam ***Shahih Muslim***, 1 pelajaran dalam kitab ***Al-Luma'*** karangan Ibnu Jinni dalam pelajaran nahu, 1 pelajaran dalam ***Ishlah al-Manthiq*** karangan Ibnu As-Sikit dalam pelajaran Bahasa Arab, 1 pelajaran sharaf, 1 pelajaran Ushul Fiqh dan kadang-kadang kitab ***Al-Luma'*** karangan Abu Ishaq asy-Syirazi dan kadang-kadang kitab ***Al-Muntakhab*** karangan Fakhruddin ar-Razi, 1 pelajaran tentang nama-nama *rijal* dan 1 pelajaran tentang Ushul ad-Din.

**(d) Mengajar dan menyebarkan
ilmu**

Umur 30 tahun:

Mula aktif menulis

Umur 34 tahun (tahun 665H):

Dilantik menjadi “*Syaikh*” (guru) di Dar al-Hadits al-Asyrafiiyyah.
Syarat menjadi “*Syaikh*”: Menguasai ilmu riwayat dan dirayah.

Mengajar di sini hingga meninggal dunia.

Imam Tajuddin As-Subki menyebutkan bahawa Imam Nawawi mengajar di Dar al-Hadits asy-Asyrafiiyyah tetapi tidak mengambil satu senpun daripadanya.

Walaupun mempunyai gaji yang besar, beliau tidak mengambilnya, bahkan memberikannya kepada Dar al-Hadits asy-Asyrafiiyyah untuk membeli peralatan dan diwakafkan kepada Darul Hadits dan membeli kitab untuk perpustakaan Dar al-Hadits.



Al-Jami' al-Umawi di Damsyiq suatu ketika dulu

(e) Penampilannya

Sederhana dan sesiapa yang tidak pernah berjumpa dan melihat tentu akan menyangka bahawa beliau seorang seorang petani Nawa yang datang ke Damsyiq untuk berziarah kerana tidak ada tanda-tanda yang terlihat padanya sebagai seorang ulama zamannya yang menampilkan keagungan pada bentuk fizikal dan pakaian

(f) Aqidah

**Aqidah Ahlus Sunnah wal Jama'ah,
aliran Al-Asya'irah.**

**Dalam *Syarh Shahih Muslim*,
mentakwil hadis-hadis tentang sifat-
sifat Allah (seperi Imam Qadhi Iyadh,
Al-Maziri dan lain-lain)**

(i) Syaikh Ibnu al-Aththar menyifatkan gurunya, Imam Nawawi:

شيخ وقُدوتي، الإمام ذو التصانيف المفيدة والمؤلفات الحميدة،
أُوحِد دهره وفريد عصره، الصوّام القوّام، الزاهد في الدنيا، الراغب
في الآخرة، صاحب الأخلاق الرضية والمحاسن السنية، العالم الرباني
المتفق على علمه وإمامته، وجلالته وزهده، وورعه وعبادته، وصيانته
في أقواله و أفعاله وحالاته، له الكرامات الطافحة، والمكرّمات
الواضحة، والمؤثر بنفسه وماله للمسلمين، والعالم بحقوقهم وحقوق
ولاية أمورهم بالنصح والدعاء في العالمين، مع ما هو عليه من المجاهدة
لنفسه،... قد صرف أوقاته كلها في أنواع العلم والعمل، فبعضها
للتصنيف، وبعضها للتعليم، وبعضها للصلاة، وبعضها للتلاوة
والتدبر، وبعضها للأمر بالمعروف والنهي عن المنكر.

(ii) Imam Az-Zahabi mengatakan:

الشيخ الإمام القدوة، الحافظ الزاهد،
العابد الفقيه، المجتهد الرباني، شيخ
الإسلام، حسنة الأنام.

(B)
SUMBANGANNYA
DALAM
BIDANG FIQH

(a) Guru-guru feqah Imam Nawawi

Imam Nawawi sendiri berkata:

فأما أنا فأخذت الفقه قراءةً وتصحيحًا وسماعًا وشرحًا وتعليقًا عن جماعات،
أولهم شيخي الإمام المتفق على علمه وزهده، وورعه وكثرة عبادته، وعظم
فضله وتميزه في ذلك على أشكاله، أبو إبراهيم إسحاق بن أحمد بن عثمان
المغربي ثم المقدسي رضي الله عنه وأرضاه، وجمع بيني وبينه وبين سائر أحابينا
في دار كرامته مع من اصطفاه. ثم شيخنا أبو محمد عبد الرحمن بن نوح بن
محمد بن إبراهيم بن موسى المقدسي ثم الدمشقي، الإمام العارف الزاهد
العابد الورع المتقن، مفتي دمشق في وقته رحمه الله. ثم شيخنا أبو حفص عمر
بن أسعد بن أبي غالب الربيعي الإربلي الإمام المتقن رضي الله عنه. ثم شيخنا
أبو الحسن سلار بن الحسن الإربلي ثم الحلبي ثم الدمشقي، المجمع على
إمامته وجلالته وتقدمه في علم المذهب على أهل عصره بهذه النواحي رضي الله

عنه

Imam Nawawi belajar feqah mazhab Syafi'i daripada para ulama' terkemuka pada masanya. Kerana kepintarannya, beliau dapat menguasai dan menghafaz feqah serta memumpuninya secara mendalam dengan mengetahui kaedah-kaedahnya (*qawa'id*) dan usul-usulnya (*ushul*).

Dalam waktu yang singkat, beliau dikenali sebagai seorang alim yang menguasai permasalahan mazhab pada zamannya, sangat mengetahui pendapat-pendapat (*aqwal*) ulama', paling tahu tentang ilmu khilaf dan paling layak menjadi *muharrir al-mazhab*.

(b) Pujian ulama' terhadapnya dalam perkara feqah

(i) Abdur Rahim bin Al-Hasan al-Isnawi berkata dalam *Thabaqatnya*:

وهو (أي النووي) محرر المذهب ومهذبه، ومنقحه
ومرتبه، سار في الآفاق ذكره، وعلا في العالم محله وقدره،
صاحب التصانيف المشهورة المباركة النافعة.

(ii) Imam Ibnu Katsir berkata tentangnya:

شيخ المذهب، وكبير الفقهاء في زمانه.

(iii) Imam Az-Zahabi berkata:

كان رأسًا في معرفة المذهب.

(iv) Qadhi Shafd Muhammad bin Abdur Rahman al-'Uthmani berkata tentang Imam Nawawi:

شيخ الإسلام، بركة الطائفة الشافعية، محيي المذهب ومنقحه، ومن استقر العمل بين الفقهاء فيه على ما يرجحه.

(v) Syaikh Abu al-Abbas Syihabuddin bin Al-Ha'im menyebutkan di dalam muqaddimah kitab ***Al-Bahr al-'Ujaj Syarh al-Minhaj***:

الإمام العلامة الحافظ، الفقيه النبيل، محرر المذهب ومهذبه،
وضابطه ومرتبه.

(vi) Muridnya, Syaikh Ibn al-'Aththar berkata:

كان حافظًا للمذهب الشافعي وقواعده
وأصوله وفروعه، ومذاهب الصحابة
والتابعين، واختلاف العلماء ووقايمهم
وإجماعهم، وما اشتهر من ذلك جميعه وما
هُجر، سالكًا في كلها طريقة السلف.

Imam Nawawi disifatkan dengan *muharrir* mazhab Syafi'i dan *muhazzib, munaqqih* dan *murattibnya*.

Sesuatu amal di antara fuqaha' Syafi'iyyah mengikut apa yang ditarjihkan oleh Imam Nawawi. Oleh itu, beliau digelar "*Syaikh asy-Syafi'iyyah*).

Apabila disebut "*الشيخين*" (dua orang Syaikh) dalam mazhab Syafi'i, ia merujuk kepada Imam Nawawi dan Imam Abu Qasim Ar-Rafi'i al-Qazwani.

(c)

**Kitab-kitab yang
beliau tulis dalam
bidang feqah
antaranya:**

(1) *Al-Majmu' Syarh al-Muhazzab* (المجموع شرح المذهب)

- Syarah (kupasan dan penjelasan) kepada kitab *Al-Muhazzab*, karangan Imam Abu Ishaq asy-Syirazi.
- 9 jilid
- Rujukan feqah terbesar mazhab Syafi'i secara khusus dan feqah Islam secara umum
- Menjelaskan konsep-konsep dasar hukum Islam
- Manhaj:
 - Menyebutkan pendapat-pendapat feqah empat imam mazhab dan lain-lainnya serta dalil-dalilnya, di samping menyebutkan pentarjihan di antara pendapat-pendapat ini
 - *Takhrij* hadis-hadis hukum dan penjelasan maknanya
 - Menjelaskan kecacatan hadits, status hadis dan biografi para perawinya
 - Menafsirkan kalimat-kalimat yang gharib daripada Al-Qur'an dan hadis
 - Menjelaskan kosa kata yang terdapat dalam kitab *Al-Muhazzab*

- Ensiklopedia umum dalam bidang feqah, hukum, tafsir ayat-ayat Al-Qur'an dan hadis, bahasa yang unik serta biografi para ulama terkemuka daripada kalangan perawi dan ahli hadis
- Tidak sempat diselesaikan
- Diteruskan oleh *Syaikhul Islam* pada masanya, Imam Taqiyuddin as-Subki (756H)
- Menyelesaikan 3 jilid sehingga bab *Al-Murabahah* daripada *Kitab Al-Buyu'*
- Sedikit disyarah oleh Ibnu Baththal ar-Rakbi atas isi ***Al-Muhazzab*** dalam kitabnya ***Syarh Gharib al-Majmu'***
- ***D***Diteruskan (ditahqiq dan disambung kembali syarahnya) oleh Al-Alim al-Faqih Syaikh Muhammad Najib bin Ibrahim al-Muthi'i
- Pembahagian jilid syarahan:
 - Jilid 1-9: oleh Imam Nawawi
 - Jilid 10-11: oleh Imam Taqiyuddin as-Subki
 - Jilid 12-23: oleh Syaikh Al-Muthi'i

رَوْضَةُ الطَّالِبِينَ

وَعَمَدَةُ الْمُفْتِينَ

لِلْإِمَامِ السَّعَوِيِّ

إِشْرَافَ
رُفْعَةَ السَّارِيسِيِّ

الْكَتَبِ الْإِسْلَامِيِّ

(2) *Raudhah ath-Thalibin* (روضه الطالبين)

- Ringkasan (*mukhtashar*) kepada kitab ***Fath al-'Aziz Syarh al-Wajiz*** (atau ***Asy-Syarh al-Kabir***) karangan Imam Abu al-Qasim Abdul Karim bin Muhammad al-Rafi'i (623H)
- Tajuk digabungkan dengan '***Umdah al-Muftin*** kerana ia memaparkan persoalan-persoalan feqah secara terperinci
- (Kitab ***Minhaj Thalibin*** lain, ringkas, diringkaskan daripada kitab ***Al-Muharrar***, juga karangan Imam Ar-Rafi'i)
- Manhaj penulisan (mengikut kata-kata Imam Nawawi sendiri):
 - Membuang sebahagian dalil dalam kitab asal
 - Menghuraikan maksud yang samar
 - Menambah banyak perbahasan beberapa keterangan permasalahan dan menyebutkan perbezaan pendapatnya dengan Imam Ar-Rafi'i
 - Menyebutkan beberapa tema perbahasan

- Harapan penulisan (mengikuti kata-kata Imam Nawawi sendiri):
 - Orang yang mentelaahkannya akan benar-benar mengetahui mazhab Syafi'i, memperoleh kepercayaan yang sempurna terhadapnya dan menguasai seluruh apa yang dia perlukan dari pelbagai permasalahan
 - (Ini menunjukkan Imam Nawawi menghimpun pendapat muktamad untuk fatwa di dalam mazhab Syafi'i dalam kitab ini. Ia juga sebagai sanggahan terhadap orang yang mendakwa bahawa kitab ***Raudhah ath-Thalibin*** bukan kitab yang muktamad dalam mengetahui pendapat yang rajih di dalam mazhab)
- Banyak *hasyiah* terhadapnya

منهاج الطالبين

الإمام أبو بكر محمد بن أبي بكر بن محمد بن عمرو بن نوري
(371 - 471 هـ)

تتميز به • دقة المنهج • الخلق
تتميز به • كفاية المنهج • إمامة الشاهج • إمامة الإمام أبو بكر
تتميز به • إمامة الشاهج • إمامة الإمام أبو بكر • إمامة الإمام أبو بكر

تمت في شهر ربيع الثاني سنة 1415 هـ
بمطبعة دار الفقه الإسلامي

1415 هـ

1415 هـ

منهاج الطالبين

0000000

الإمام أبو بكر محمد بن أبي بكر بن محمد بن عمرو بن نوري

1415 هـ

(3) *Minhaj ath-Thalibin* (منهاج الطالبين)

- Sayyid Abdullah al-Habsyi dalam kitabnya ***Jami' asy-Syuruh wa al-Hawasyi***: lebih 300 karangan menjelas, menghurai dan memberi catatan terhadap kitab ini antaranya:
 - ***Kanz ar-Raghibin*** karangan Imam Jalaluddin al-Mahalli (***Hasyiah al-Qalyubi*** dan ***Hasyiah 'Umairah*** lahir daripada kitab ini.)
 - ***Fath al-Wahhab*** karangan Syaikh Zakaria al-Anshari (Asalnya, Syaikh Zakaria meringkaskan ***Minhaj ath-Thalibin*** dengan nama ***Manhaj ath-Thullab***. Syarah lagi ***Manhaj ath-Thullab*** dengan nama ***Fath al-Wahhab***. Daripada kitab ***Fath al-Wahhab*** ini lahir ***Hasyiah al-Bujairimi***)
 - ***Tuhfah al-Muhtaj*** karangan Imam Ibnu Hajar al-Haitami
 - ***Mughni al-Muhtaj*** karangan Imam Al-Khathib asy-Syirbini
 - ***Nihayah al-Muhtaj*** karangan Imam Ar-Ramli
- Kitab ***Al-Muharrar*** hasil setelah Imam Ar-Rafi'i melakukan *tahrir mazhab* terhadap ***Al-Hujjah, Al-Umm, Ar-Risalah, Mukhtashar al-Muzani, Nihayah al-Mathlab, Bahr al-Mazhab, Al-Hawi al-Kabir, Al-Basith, Al-Wasith, Al-Wajiz, At-Tanbih, Al-Muhazzab, At-Ta'liqat*** dan lain-lain.

فَتَاوَى الْأَمَامِ النَّوَوِيِّ

ترتيب: تأليف: الشيخ علاء الدين بن العطار



صياغة مستحدثة

عَمِّي بِعَوْنِ عَلَيْهِ

سَيِّدِ بْنِ مُحَمَّدِ السَّنَارِيِّ

دار الحديث
القاهرة

(4) Fatawa al-Imam al-Nawawi (فتاوى الإمام النووي)

- Dikenali juga dengan “*Al-Masa’il al-Mantsurah*” (المسائل المنثورة)
- Kumpulan 363 fatwa Imam Nawawi yang disusun oleh salah seorang murid beliau, iaitu Imam al-Hafizh ‘Alauddin ‘Ali bin Ibrahim Ibn al-‘Aththar ad-Dimasyqi (724H)
- Syaikh ‘Alauddin al-‘Aththar menambahkan beberapa perkara penting yang didengarnya langsung daripada Imam Nawawi.
- Disusun mengikut bab-bab feqah seperti ibadat, jual beli dan sebagainya
- Terdapat beberapa masalah feqah yang disebutkan dalam kitab ini yang tidak terdapat dalam mana-mana kitab karya Imam Nawawi yang lain

كتاب

الإيضاح

في مناسك

الحج والعمرة

الأستاذ الشيخ الدكتور محمد بن عبد الوهاب بن محمد بن عبد الوهاب

دار الفکر

بيروت - لبنان

(5) *Al-Idhah fi al-Manasik* (الإيضاح في المناسك)

- Khusus mengenai ibadat haji dan umrah
- Nukilan daripada kitab [Shilah an-Nasik fi Shifah al-Manasik](#) (صلة الناسك في صفة المناسك) karangan Imam Taqiyuddin Abu 'Amru Ibn al-Shalah (643H)
- Antara perbincangannya:
 - Bab 1: Etika Menunaikan Ibadah Haji
 - Bab 2: Tentang Ihram
 - Bab 3: Tata Cara Memasuki Makkah
 - Bab 4: Tentang Umrah dan Permasalahan Yang berkaitan
 - Bab 5: Penjelasan Tentang Bermukim di Makkah, Tawaf Wada' dan Masalah yang berkaitan.
 - Bab 6: Ziarah ke Makam Rasulullah
 - Bab 7: Kewajipan Terhadap Seseorang yang Meninggalkan Kewajipan dan Melakukan larangannya
 - Bab 8: Ibadat yang dilakukan oleh Anak Kecil Hamba Sahaya, Wanita dan lainnya.

سراج المذبح النور

مذبح

Made By

MADANI





سنة ١٤٣٥ هـ

١٤٣٥ هـ

١٤٣٥ هـ

١٤٣٥ هـ

ضَرْيُخُ الْإِمَامِ النَّوَوِيِّ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ



KEUNIKAN & KEHEBATAN KITAB MATAN ARBA'IN

Disediakan oleh:

Al-Faqir ilallahil Qadir,

Ustaz Muhadir bin Haji Joll

غفر الله له ولشايخه ولوالديه

**Penasihat Syariah, Galeri Ilmu Media Group
& Pendakwah bebas**

(a)

Nama kitab

الكافي

من شروح الأربعين النووية

تقديم

فضيلة مفتي مدينة دمشق
الشيخ عبد الفتاح البرزنجي

إعداد

ماهر الهندي

دار التواضع

- ***Al-Arba'in an-Nawawiyyah***, dikenali dengan “***Hadis Empat Puluh***” karangan Imam Nawawi
- *Kutaib* (kitab kecil) tetapi padat dengan hikmah dan ilmu
- Memuatkan 42 buah hadis; setiap hadis merupakan penjelasan dasar-dasar atau asas-asas (*qawa'id*) syariat Islam
- Banyak pujian dan sanjungan daripada ulama sejak dahulu hingga sekarang terhadapnya
 - Dikenali dan tersebar ke serata dunia dan diterjemahkan ke pelbagai bahasa

(b)
Asal kitab
Al-Arba'in
an-Nawawiyah

Dikatakan bahwa Syaikh al-Islam Taqiyuddin Abu Amr Utsman bin Musa al-Syarzuki, lebih dikenali dengan nama Imam Ibn ash-Shalah (643H) menulis kitab ***Al-Ahadits al-Kuliyah***, mengumpulkan 26 hadis yang berkaitan dengan dasar-dasar atau asas-asas (qawa'id) agama.

Kemudian, Imam Nawawi menambah 16 hadis lagi yang merupakan dasar-dasar atau asas-asas (qawa'id) agama juga dan menamakan kitabnya dengan ***Al-Arba'in*** (atau ***Al-Arba'in an-Nawawiyyah***).

(c)
Tujuan
menyusun
40 Hadis?

(1) Galakan daripada hadis

Imam Nawawi menulis kerana hadis:

مَنْ حَفِظَ عَلَىٰ أُمَّتِي أَرْبَعِينَ حَدِيثًا مِنْ أَمْرِ دِينِنَا بَعَثَهُ اللَّهُ تَعَالَىٰ
يَوْمَ الْقِيَامَةِ فِي زُمْرَةِ الْفُقَهَاءِ وَالْعُلَمَاءِ

“Sesiapa yang hafal di kalangan umatku 40 hadits tentang urusan agamanya, maka Allah akan membangkitkannya pada hari kiamat dalam kumpulan para fuqaha’ dan ulama.”

نَضَّرَ اللَّهُ امْرَأً سَمِعَ مَقَالَتِي فَوَعَاهَا فَأَدَّاهَا كَمَا سَمِعَهَا

“Semoga Allah memberi cahaya kepada seseorang yang mendengar ucapanku dan memahaminya, lalu menyampaikannya seperti mana dia mendengar daripadanya.”

(2) Tasyabbuh (mengikuti) jalan/ cara para imam terkemuka dan huffazhul Islam (para penghafal hadits) sebelumnya yang menyusun dan menghimpunkan 40 hadis

(d)
Manhaj
penulisan

- (1) Menyenaaraikan hadis-hadis yang shahih
- (2) Kebanyakan hadis daripada ***Shahih al-Bukhari*** dan ***Shahih Muslim***
- (3) Sanad-sanad hadis di hazafkan
(dibuang)
- (4) Menjelaskan perkataan-perkataan yang perlu di dalam hadis

(e)

**Keistimewaan
Al-Alba'in
an-Nawawiyyah**

(1) Hadis-hadis yang bersifat Jawami' al-Kalim

(2) Hadis-hadisnya adalah shahih

(3) Hadis-hadisnya dianggap fokus utama ajaran Islam, separuh, satu pertiga atau satu perempat ajaran Islam

(4) Hadis-hadisnya berbeza tema satu dengan yang lain

(5) Penjelasan terhadap makna yang agak sukar difahami

(f)

Isi Kitab

Hadith 1: Syarat kesahihan amal dengan niat

Hadith 2: Iman, Islam dan Ihsan

Hadith 3: Rukun Islam

Hadith 4: Kejadian ciptaan manusia dan qadha dan qadar

Hadith 5: Kesempurnaan Islam

Hadith 6: Keterangan halal dan haram

Hadith 7: Islam adalah agama nasihat

Hadith 8: Tugas Nabi s.a.w menyampaikan risalah Islam

Hadith 9: Kewajipan menjauhi larangan dan melaksanakan kewajipan agama

Hadith 10: Allah hanya menerima amalan yang baik, suci, dan bersih

Hadith 11: Galakkan menjauhi amalan yang shubhah dan menyangsikan

Hadith 12: Galakkan agar seorang Muslim meninggalkan sesuatu yang bukan urusannya

Hadith 13: Kewajipan seorang Muslim supaya mengasihi saudaranya

Hadith 14: Diri manusia dalam Islam adalah terpelihara

Hadith 15: Kewajipan berkata baik dan kewajipan memuliakan jiran dan tetamu

Hadith 16: Sifat Sabar dan menahan marah

Hadith 17: Kewajipan sifat ihsan terhadap haiwan

Hadith 18: Menjaga sifat taqwa melakukan kebajikan dan bersikap baik terhadap manusia

Hadith 19: Kewajipan memelihara suruhan dan larangan Allah, dan memohon darinya

Hadith 20: Kewajipan bersikap malu bagi mencegah perbuatan keji dan maksiat

Hadith 21: Istiqamah berpegang pada ajaran Islam membawa kepada kebahagiaan

Hadith 22: Menunaikan kewajipan, menjaga halal dan haram dapat menjamin syurga

Hadith 23: Galakkan melakukan amal soleh seperti bersuci, berzikir, solat dan bersedekah

Hadith 24: Pengharaman sifat zalim dan anjuran segera bertaubat

Hadith 25: Keluasan pintu untuk melakukan amal soleh dan kebajikan

Hadith 26: Anjuran melakukan 'Émal baik yang mengeratkan persaudaraan

Hadith 27: Perbezaan antara amal baik dan buruk

Hadith 28: Kewajipan mentaati pemimpin dan berpegang pada ajaran Rasulullah s.a.w.

Hadith 29: Amalan yang mendekatkan pada syurga dan menjauhkan dari Nerak

Hadith 30: Peringatan melaksanakan kewajipan dan menjauhi larangan

Hadith 31: Amalan yang mendatangkan kasih sayang Allah dan manusia

Hadith 32: Larangan melakukan keburukan terhadap orang lain atau diri sendiri

Hadith 33: Dakwaan perlu diiringi dengan bukti

Hadith 34: Kewajipan mencegah kemungkaran dan kejahatan

Hadith 35: Anjuran menjaga persaudaraan dan menjauhi suatu yang boleh meretakannya

Hadith 36: Fadhilat menghulurkan bantuan dan menuntut ilmu

Hadith 37: Belas dan ihsan Allah terhadap manusia

Hadith 38: Wilayah Allah terhadap hamba-hambanya yang soleh

Hadith 39: Kesilapan, lupa dan dipaksa adalah suatu yang boleh mendapat

Hadith 40: Peringatan dari sikap lalai dan leka

Hadith 41: Kewajipan melaksanakan ajaran Rasulullah s.a.w.

Hadith 42: Keluasan rahmat Allah terhadap hambaNya.

(g)

**Kitab-kitab Syarah
kepada kitab
Al-Arba'in an-
Nawawiyyah**

(1) ***Al-Jawahir al-Bahiyyah fi Syarh al-Arba'in an-Nawawiyyah***, karangan Syaikh Abu al-Fadhl Muhammad Waliyuddin bin 'Ali Salim al-Syasyriy (989H)

(2) ***Al-Futuh al-Wahabiyyah bi Syarh al-Arba'in Haditsan an-Nawawiyyah***, karangan Syaikh Ibrahim bin Mar'i bin 'Athiyyah al-Syarhiti (1106H)

(3) ***Al-Mubin al-Mu'in li Fahm al-Arba'in***, karangan Mulla 'Ali bin Sulthan bin Muhammad al-Qari al-Harawi al-Makki al-Hanafi (1114H)

(4) ***Syarh al-Arba'in***, karangan Al-'Allamah al-Syaikh Muhammad Hayat al-Sindi (1163H)

(5) ***'Arus al-Afrah***, karangan Syaikh Abdullah bin Muhammad al-Nairwai al-Syafi'i (1275H)

والله أعلم وعلمه أتم